

Bil. S 49

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2003) (BIL. 1), 2003

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan satu Pemasyhuran Darurat bertarikh 22 haribulan April, 2002 telah mengisytiharkan satu keadaan darurat dalam seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (3) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, bahawa apabila satu Pemasyhuran telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu berjalan kuatkuasanya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bolehlah membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa kuasa-kuasa tersebut akan termasuk kuasa membuat peruntukan kewangan yang boleh jadi diperlukan di sepanjang tempoh darurat termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat ribu, empat ratus tujuh juta, tiga ratus sembilan puluh satu ribu, tujuh ratus lapan puluh tiga ringgit (\$4,407,391,783.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan (2003), 2002;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak tiga puluh dua juta, dua ratus empat puluh ribu, lapan puluh lapan ringgit (\$32,240,088.00);

SEKARANG, DARI ITU, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh ceraian-ceraian (3) dan (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat Perintah seperti berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini bolehlah digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2003) (Bil. 1), 2003.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2003 dan memperuntukkan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi dari tiga puluh dua juta, dua ratus empat puluh ribu, lapan puluh lapan ringgit (\$32,240,088.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan pelbagai perkhidmatan yang ditentukan dalam Jadual untuk tahun 2003 yang tidak diperuntukkan atau tidak sepenuhnya diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan (2003), 2002, adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang tersebut adalah diperuntukkan bagi tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

[1]	[2]	[3]
Business Unit	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan Kepada Business Unit
		\$
	KEMENTERIAN PERHUBUNGAN	
SN07A	Jabatan Telekom	\$32,240,088.00
		<u>\$32,240,088.00</u>

Diperbuat pada hari ini 7 haribulan Jamadilakhir, 1424 Hijrah bersamaan dengan 5 haribulan Ogos, 2003 Masihi, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM